

01/01/2003

Kedatangan 2003 disambut meriah

KUALA LUMPUR, Selasa - Rakyat Malaysia di seluruh negara menyambut kedatangan tahun baru 2003 dalam suasana meriah dan berwarna-warni dengan penuh semangat muhibah.

Di ibu kota, beratus ribu rakyat bertumpu di tiga tempat utama iaitu Menara Berkembar Petronas (KLCC), Jalan Bukit Bintang dan Dataran Merdeka.

Begitu juga rakyat di semua negeri menyertai pemimpin mereka dan pelancong dari seluruh dunia menyertai sambutan tahun baru yang diadakan di ibu negeri masing-masing.

Di KLCC, sebaik detik 12 tengah malam, pertunjukan bunga api selama 10 minit mewarnai ruang udara bangunan berkembar tertinggi di dunia itu.

Sambutan tahun ini turut diceriakan dengan bangunan yang diterangi lampu berwarna-warni sebagai tanda keamanan dan perpaduan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Sambutan di KLCC diketuai sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang tiba seawal jam 10.30 malam.

Mereka menyertai berpuluh ribu rakyat dan pelancong untuk menyaksikan pelbagai acara yang diatur, termasuk konsert artis popular tanah air antaranya Nurul, Ajai, Amy Mastura, Khatijah Ibrahim dan Alleycats.

Pada jam 11.50 malam, sekumpulan 10 penerjun udara mengadakan pertunjukan payung terjun dari atas bangunan KLCC. Mereka terdiri daripada warga Switzerland, Jerman, New Zealand, Australia, Amerika Syarikat, Croatia dan seorang rakyat Malaysia, Aziz Ahmad.

Sementara itu, Dr Mahathir ditanya harapannya pada tahun baru ini berkata: "Harapan saya negara aman dan rakyat makmur.

"Perayaan ini disambut semua (rakyat Malaysia) termasuk pelancong asing. Saya percaya semangat (perpaduan) itu ada dan itu bagus."